

Kerajaan negeri diminta hapus bayaran permit kolam takungan

SABAK BERNAM - Kerajaan negeri diminta supaya menghapuskan bayaran permit Kolam Takungan Air Parit 4 Sungai Haji Dorani yang terpaksa dibayar Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) sebanyak RM62,000 setahun.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, jika pemansuhan itu dibuat, wang yang sepatutnya dibayar IADA kepada kerajaan negeri dapat disalurkan untuk membantu pesawah terutama dalam menghadapi fenomena El Nino.

"Kerajaan negeri juga patut beri sumbang-an dan bukannya mengenakan bayaran terhadap apa yang telah diusahakan pihak IADA untuk membantu pesawah," katanya pada sidang media selepas melawat Kolam

Takungan Air Parit 4 Sungai Haji Dorani, di sini, semalam.

Menurutnya, meskipun pada peringkat awal projek kolam takungan itu gagal disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan kerana mendapat tentangan daripada kerajaan negeri, namun setelah siap ia ternyata menjadi penyelamat kepada pesawah yang berdepan musim panas di kawasan terbabit.

Beliau berkata, projek bernilai RM27 juta itu begitu besar manfaat dan faedahnya kepada pesawah dalam memastikan jaminan bekalan makanan negara terjamin.

"Kolam ini sepatutnya disiapkan pada 2012, tetapi akibat tidak mendapat kerjasama daripada kerajaan negeri, ia terpaksa ditangguhkan sehingga ia siap sepenuhnya pada 2014," katanya.



Ahmad Shabery (dua, kanan) bersama-sama pemimpin setempat dan pegawai IADA Barat Laut Selangor meninjau Kolam Takungan Air Parit 4 Sungai Haji Dorani.